

HUBUNGAN FAKTOR-FAKTOR PENYERTAAN GURU SEKOLAH RENDAH DI MERSING TERHADAP SAHAM WAKAF JOHOR : SATU KAJIAN RINTIS

**Junaida binti Basiron¹, Mohd Zawavi bin Zainal Abidin¹,
Fahmi Zaidi bin Abd Razak
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah, Malaysia**

Abstract

Waqf as an instrument of Islamic economic development has evolved from tangible asset forms to waqf shares. Saham Wakaf Johor (SWJ) was introduced in the state of Johor to encourage waqf practices in daily life. However, from 2017 to 2021, there was a significant decline in SWJ shares, with Mersing district recording the lowest collection compared to other districts in Johor. This study aims to explore the factors influencing teachers' participation in SWJ. A quantitative study using simple random sampling technique involved 100 primary school teachers in the Mersing district as the study sample. Data was collected using a questionnaire instrument and analyzed using SmartPLS 4.0. The Theory of Planned Behavior (TPB) was employed, with four main factors: attitude, perceived behavioral control, subjective norm, and promotion, tested in this study. The study findings indicate that teachers' intention to participate in SWJ is moderately high, indicating that teachers have a positive attitude and interest in SWJ. Two factors, attitude and subjective norm, were found to be significantly associated with teachers' intention to participate in SWJ. However, perceived behavioral control and promotion were not found to be significant predictors of teachers' intention to participate in SWJ. This study is important for understanding teachers' perspectives on SWJ as a form of charity and support for the sustainability of Islamic economics.

Keywords: Primary School Teachers, Theory of Planned Behavior (TPB), Intention, Saham Wakaf Johor

Perkembangan Artikel

Diterima: 8 April 2024

Disemak: 15 April 2024

Diterbit: 30 April 2024

*Corresponding Author: Junaida Basiron, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Pahang, Malaysia;

Email: g-92028493@moe-dl.edu.my

PENGENALAN

Wakaf merujuk kepada tindakan menyisihkan harta atau aset untuk kebajikan atau amal jariah, berasal dari perkataan Arab yang bermaksud "menyisihkan" atau "mempersembahkan" sesuatu untuk kepentingan umum (Al-Zuhayli, 2012). Dalam sistem perundangan Islam, wakaf adalah cara menahan harta yang diberikan kepada pihak lain untuk diuruskan, dengan manfaatnya disalurkan

kepada tertentu untuk kebaikan (Konsep et al., 2022). Wakaf boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti tanah untuk keagamaan, bangunan masjid, madrasah, hospital, atau sumbangan harta lainnya untuk masyarakat. Hasil wakaf digunakan untuk pelbagai kegiatan sosial, pendidikan, kesihatan, dan masyarakat yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan umum. Amalan wakaf memiliki nilai-nilai penting dalam Islam, memberikan manfaat material dan spiritual bagi individu yang melakukannya, dianggap sebagai pelaburan dalam kehidupan akhirat. Wakaf juga penting dalam pembangunan sosial, memperkasakan ekonomi umat Islam dan meningkatkan kesejahteraan sosial dengan harta yang diwakafkan untuk membantu yang memerlukan.

SWJ merujuk kepada bentuk skim wakaf tunai dalam bentuk unit saham yang ditawarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) kepada umat Islam di negeri Johor pada harga serendah RM10 satu unit. Setelah dibeli, saham-saham tersebut dikembalikan kepada MAINJ sebagai amanah yang akan diuruskan untuk pembangunan ekonomi khususnya untuk orang Islam di Johor (Gadot, 2019). SWJ juga diperkenalkan adalah sebagai satu inisiatif bagi menggalakkan ibadah wakaf diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian. Namun sejak lima tahun kebelakangan ini iaitu bermula pada tahun 2017 hingga tahun 2021, telah berlaku penurunan ketara kepada kutipan SWJ dan daerah Mersing mencatat kutipan terendah berbanding daerah lain di negeri Johor. Sehubungan dengan itu, satu kajian dilakukan untuk mengenalpasti hubungan faktor-faktor penyertaan guru sekolah rendah terhadap SWJ. Dengan itu, pada akhir kajian ini akan dapat dikenalpasti apakah faktor yang sangat mempengaruhi niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor.

KAJIAN LITERATUR

Saham Wakaf Johor (SWJ)

Wakaf merupakan konsep yang sangat penting dalam Islam yang menekankan perkongsian kekayaan sesama Islam dan melabur dalam kebaikan untuk kepentingan umum. Amalan wakaf tidak hanya memberikan manfaat material kepada masyarakat, tetapi juga mengukuhkan nilai-nilai kemanusiaan dan spiritual dalam masyarakat Muslim.

Pada asalnya, wakaf mempunyai tujuan yang kekal, diambil daripada perkataan Arab 'waqafa', yang merujuk kepada berhenti daripada pergerakan. Secara sinonimnya, istilah wakaf sama ertinya dengan 'al-Habs' iaitu memegang harta secara khusus kerana Allah SWT (Md Nawi & Ismail, 2018). Perbuatan berwakaf merupakan salah satu cara untuk memupuk sifat pengorbanan manusia semata-mata kerana Allah SWT. Dari segi istilah wakaf ialah perbuatan mengeluarkan sebahagian daripada harta untuk digunakan oleh individu atau komuniti yang memerlukan. Harta yang didermakan mestilah dijaga dengan baik, kekal, dan tujuannya adalah untuk memberi manfaat kepada orang lain (MAINJ, 2021).

Berdasarkan kepada pandangan Jumhur ulama, wakaf adalah sunnah yang indah dan bentuk sedekah yang mulia sebagaimana yang disandarkan kepada Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 92 yang bermaksud:

"Sesungguhnya, kamu tidak akan mencapai kebajikan yang sempurna sehingga kamu menafkahkan sebahagian dari harta yang kamu cintai. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan,

sesungguhnya Allah SWT maha mengetahuinya”.

Dalam sejarah Islam, wakaf pertama bermula dengan wakaf tanah pembinaan Masjid Quba' di Madinah. Sunnah ini diikuti oleh para sahabat seperti Uthman bin Affan, Saad bin Ubadah, Abu Bakar, dan Umar bin Khattab. Mereka bersedia mewakafkan harta mereka secara sukarela untuk membiayai pembinaan masjid tersebut (Abdurrohman Kasdi, 2018).

Wakaf merupakan institusi tertua dalam perkembangan Islam yang membantu dalam aspek ekonomi Islam. Kajian oleh Cengiz et al., (2007) membuktikan kejayaan wakaf tunai dalam meringankan beban empayar Uthmaniyyah. Wakaf tunai menyediakan pembiayaan untuk pembangunan kemudahan asas agama, pendidikan, kesihatan dan kebajikan masyarakat setempat. Kejayaan ini meningkatkan martabat wakaf sebagai aset penting dalam kemajuan masyarakat. Menurut Islam & Chowdhury (2017) wakaf tunai diterima baik di banyak negara termasuk India, Pakistan, Iran, Mesir, Singapura dan Malaysia. Penubuhan institusi wakaf membuka peluang pekerjaan dan membantu mengatasi masalah pengangguran yang menjadi faktor utama mengurangkan taraf ekonomi masyarakat Islam. Justeru, saham wakaf bukan sahaja menyokong pembangunan infrastruktur tetapi juga memberi manfaat sosial dan ekonomi yang ketara kepada masyarakat setempat.

Konsep SWJ bermula dari inovasi dalam amalan wakaf tunai. Berbeza dengan wakaf tradisional yang melibatkan harta kekal seperti tanah, bangunan, atau harta lain yang tidak boleh dipindahkan, SWJ merupakan bentuk wakaf harta boleh alih yang melibatkan sumbangan tunai dari individu dalam bentuk unit saham. Bahagian wakaf di negeri Johor telah diasaskan pada tahun 1313 Hijrah, bersamaan dengan tahun 1895 Masihi. Pada mulanya pengurusan bahagian wakaf dijalankan di bawah tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Seiring dengan perkembangan, pentadbiran dan mandat bahagian wakaf akhirnya diserahkan kepada setiausaha kerajaan Johor. Lama kelamaan, tugas dan tanggungjawab bahagian wakaf telah dipindahkan ke jabatan agama di bawah pimpinan Yang Di-Pertua Jabatan Agama Islam Johor. Tambahan pula, dalam perkembangan selanjutnya, bahagian wakaf telah dipindahkan di bawah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ).

Pada masa kini, pembangunan wakaf telah berhasil direalisasikan melalui kolaborasi antara JCorp dan MAINJ. Keistimewaan ini terletak pada pendekatan pengurusan wakaf korporat yang telah diperkenalkan oleh JCorp, yang jauh berbeza dengan cara pengurusan wakaf yang diamalkan oleh institusi wakaf lain yang telah wujud sebelum ini. Dengan melaksanakan pengurusan dan pentadbiran yang efisien serta teratur, institusi wakaf dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam memajukan ekonomi ummah.

SWJ telah menetapkan matlamat untuk menyuburkan kembali amalan wakaf sebagai bentuk sedekah jariah yang sangat ditekankan dalam ajaran Islam. Matlamat tersebut melibatkan penyediaan kemudahan dan alternatif kepada masyarakat Islam untuk menyertai ibadah wakaf tanpa terikat kepada wakaf yang melibatkan aset kekal. SWJ juga bertujuan untuk mendorong pengiktirafan masyarakat terhadap wakaf sebagai sistem yang memiliki potensi untuk merangsang pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam. Selain itu, matlamat tersebut juga merangkumi usaha menyemai dan memupuk sikap, semangat, serta kerjasama yang erat di antara sesama umat Islam dengan berlandaskan kepada prinsip-prinsip ukhuwah islamiah dan semangat taawun dalam Islam

Niat Menyertai Saham Wakaf Johor

Asmak (2009), menyatakan bahawa niat adalah perkara pertama yang wujud di dalam hati seseorang dan menjadi asas bagi setiap aktiviti manusia. Niat tersebut dapat menimbulkan perasaan gembira atau cinta. Dalam Islam, niat memainkan peranan penting sebagai pembeza antara perbuatan yang dikategorikan sebagai ibadah atau urusan adat bagi seorang Muslim. Kajian Supian et al., (2021) menyatakan niat mempengaruhi keterlibatan seseorang dalam amalan wakaf dan signifikan antara tingkah laku dan niat untuk bersedekah.

Dalam konteks wakaf, niat adalah elemen yang sangat utama. Sebagai contoh, apabila seseorang mendermakan harta mereka untuk tujuan membina sebuah masjid dengan niat yang tulus, iaitu untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan amalan wakaf, tindakan tersebut akan mendatangkan ganjaran yang besar dari Allah SWT. Ini dibuktikan oleh pengkaji terdahulu tentang kajian niat ke atas sumbangan, derma dan sedekah seperti “Charitable giving” digunakan oleh Mayo & Tinsley (2009). Seterusnya penggunaan istilah “Charity” oleh Mejova et al., (2014) mengkaji kemurahan hati Muslim di Indonesia dengan memberi fokus kepada niat dan tingkah laku sedekah.

Chaerunnisa dan Kasri (2020) melaporkan hubungan antara niat dan tingkah laku dalam konteks wakaf, menunjukkan keberkesanan niat dalam memahami dan menggalakkan kebaikan. Al-Jubari (2019) mengakui niat yang kuat dan ikhlas memberikan motivasi dan semangat kepada individu untuk melibatkan diri dalam amalan wakaf yang mendorong mereka untuk mengatasi halangan dan kesulitan yang mungkin timbul semasa menjalankan amalan ini. Ini disokong oleh Berakon et al., (2022) mendapati keputusan yang dibuat oleh individu berkenaan sesuatu tindakan adalah berpunca daripada niat.

Sikap

Sikap menunjukkan hubungan rapat antara kepercayaan, kawalan tingkah laku dan tindakan yang diambil. Park & Lewis (2019) menyatakan bahawa konstruk sikap dapat digunakan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang seseorang atau kumpulan orang, dan membolehkan ramalan yang lebih tepat mengenai perilaku pembinaan mereka. Sikap mempengaruhi kemampuan diri untuk meramalkan dan memahami sesuatu. Sikap ini bergantung pada kecenderungan psikologi diri untuk menilai sesuatu dengan suka atau tidak suka.

Saputri et al., (2020) menerangkan sikap adalah kecenderungan atau tabiat seseorang untuk bertingkah laku dengan cara tertentu apabila mereka menghadapi cabaran tertentu. Sikap didefinisikan sebagai kecenderungan mental atau perasaan yang relatif tetap terhadap kategori objek, orang atau situasi tertentu.

Mudrikah (2021) membuktikan kesan ketara sikap terhadap niat di mana secara umum, lebih baik sikap seseorang terhadap tingkah laku, lebih besar kemungkinan orang itu ingin terlibat dalam tingkah laku itu. Ini disokong dengan banyak kajian telah mendokumentasikan berkenaan hubungan yang signifikan antara sikap dan niat seperti (Shih & Fang, 2004). Maka, semakin positif

sikap, semakin ketara dan kuat niat dalam memberi tingkah laku wakaf. Islam juga menggalakkan umat Islam untuk bersedekah dan berwakaf. Oleh itu, semakin positif sikap seseorang, semakin besar niatnya untuk bertindak dalam perkara yang baik berdasarkan

H1: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

Norma Subjektif

Menurut Ajzen (1991), norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasa oleh seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku. Ia melibatkan persepsi individu terhadap pendapat orang lain yang relevan terhadap tingkah laku tersebut. Norma subjektif memberikan tekanan sosial kepada individu untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan suatu tindakan, dan ini dikenali sebagai norma sosial. Amin & Chong (2011) mendapati norma subjektif signifikan mempengaruhi niat dan tingkah laku. Lada et al., (2009) mendapati wujud hubungan yang kuat antara norma subjektif dan niat tingkah laku wakaf tunai.

Iman et al., (2017) membuktikan faktor norma subjektif, sikap dan nilai keagamaan signifikan mempengaruhi tingkah laku membuat keputusan masyarakat untuk menyertai wakaf tunai. Norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasakan untuk melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku. Norma subjektif mencerminkan persepsi individu terhadap pendapat orang lain yang relevan terhadap tingkah laku yang akan dilakukan. Terdapat beberapa kajian telah menyokong pengaruh yang signifikan norma subjektif terhadap niat dan perilaku sosial, termasuk dalam konteks wakaf tunai seperti Al-Harethi (2019) melaporkan norma subjektif signifikan terhadap tingkah laku dan penyertaan dalam wakaf tunai. Maka, norma subjektif memegang peranan utama dalam membentuk perilaku sosial yang diamalkan oleh individu.

H2: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

Kawalan Tingkah Laku

Kawalan tingkah laku yang dirasakan didefinisikan sebagai satu keyakinan diri dari dalam diri atau luaran seseorang yang mengakibatkan kepada tindakan tingkah laku. Heikal et al., (2014) menyatakan bahawa kawalan tingkah laku hanya boleh berlaku dengan tindakan tertentu. Sakti et al., (2016) menerangkan bahawa kawalan tingkah laku mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat untuk terlibat dalam wakaf tunai. Osman (2014) juga melaporkan bahawa selain sikap, norma subjektif, dan persepsi kawalan tingkah laku, tahap pemahaman agama juga memainkan peranan penting dan signifikan terhadap niat tingkah laku.

Tommasetti et al., (2018) juga menegaskan bahawa kawalan tingkah laku merupakan konstruk yang mempengaruhi niat seseorang pelaku bertindak kepada sesuatu perbuatan baik atau sebaliknya yang signifikan berpengalaman. Berbeza pula dengan Khalifa & Shen (2008) menemukan bahawa kawalan tingkah laku seseorang tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat kepada tingkah laku. Namun, kebanyakan pengkaji terdahulu telah menemui secara

empirikal bahawa kawalan tingkah laku mempengaruhi niat memberi sedekah. Osman et al., (2019), mendapati bahawa kawalan tingkah laku merupakan penentu kuat atau tidak niat seseorang untuk terlibat dalam pelaburan. Ini menyamai kajian Setianagara (2019) melaporkan tingkah laku mempengaruhi niat bersedekah di Indonesia. H3: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

Promosi

Promosi sesuatu yang tidak asing dengan dunia perdagangan yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan minat pengguna terhadap produk atau perkhidmatan tertentu. Terdapat ramai pengkaji lepas mengakui promosi berfungsi sebagai penghubung dalam usaha menggalakkan penyertaan yang meluas dan bermakna. Omar et al., (2018) melaporkan gaya pengiklanan dan kempen yang semakin interaktif berikutan perkembangan teknologi dan komunikasi telah membuat perubahan dalam aktiviti pemasaran. Strategi pemasaran digital lebih produktif, membolehkan bakal pelanggan memperoleh segala jenis maklumat tentang produk dan berurus niaga melalui internet.

Namun, dalam usaha meningkatkan penyertaan masyarakat dalam wakaf, promosi berperanan penting sebagai alat untuk menarik minat dan meningkatkan kesedaran. Aziz (2018) mendapati peranan media massa berkeupayaan dalam menyampaikan mesej berkesan kepada penerimaan masyarakat di Indonesia. Siti Mashitoh et al., (2018) mendapati media cetak dan media elektronik bertindak agresif dalam usaha menarik masyarakat berwakaf tunai menggantikan wakaf tanah dan bangunan. Muhammad Fudhail (2019) menegaskan perlu tindakan serius oleh pihak agama dalam mempromosikan wakaf.

Oleh itu, peranan promosi dalam konteks SWJ adalah amat penting sebagai medium membawa perubahan positif dalam kehidupan golongan yang memerlukan, dan memberi peluang kepada penderma untuk terlibat dalam tindakan murni yang akan dikenang sepanjang zaman. H4: Terdapat hubungan yang positif di antara promosi dengan penyertaan Saham Wakaf Johor.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada Laporan Majlis Agama Islam Negeri Johor tahun 2021, didapati jumlah kutipan SWJ mengalami kemerosotan yang sangat ketara bagi tempoh lima tahun iaitu bermula tahun 2017 hingga tahun 2021 dengan jumlah kutipan sebanyak RM 7,374,450 (2017), RM 5,754,200 (2018), RM 4,681,610 (2019), RM 5,054,641 (2020) dan RM 4,987,720 (2021) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0.

Tahun	Unit Saham Wakaf Johor	Jumlah (RM)
2017	737445	7,374,450
2018	575420	5,754,200
2019	468161	4,681,610
2020	505464	5,054,640

Sumber : Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021)

Kemerosotan kutipan SWJ dalam tempoh lima tahun ini memberi impak kepada daerah Mersing berada pada kedudukan terendah berbanding daerah-daerah lain di negeri Johor. Jadual 1.2 menunjukkan kutipan SWJ bagi daerah Mersing pada angka sebelas daripada sebelas buah daerah di Johor bagi tempoh tiga tahun berturut-turut iaitu dengan kutipan sebanyak RM 96,170.00 (2017), RM 107,960.00 (2018) dan RM 147,630.00 (2019). Manakala pada tahun 2020 dan 2021, Mersing masih mencatat kutipan rendah dengan berada di tempat ke sepuluh dan ke sembilan dengan jumlah kutipan sebanyak RM 151,880.00 (2020) dan RM 139,930.00 (2021).

Tahun	Kedudukan Mersing	Jumlah kutipan (RM)
2017	11/11	96,170.00
2018	11/11	107,960.00
2019	11/11	147,630.00
2020	10/11	151,880.00
2021	9/11	139,930.00

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021)

Kemerosotan kutipan ini menjejaskan program pembangunan yang dirancang oleh MAINJ. Hal ini kerana MAINJ gagal mencapai sasaran kutipan sebanyak tujuh juta setahun. Situasi ini merencatkan ekonomi Islam kerana kekurangan dana untuk membiayai projek-projek ekonomi yang dirancang. Impaknya, Islam akan mundur dan ketinggalan dari segi ekonomi berbanding kaum lain di Malaysia. Oleh itu, penyelidik terpanggil untuk mengkaji hubungan faktor-faktor penyertaan guru sekolah rendah di Mersing terhadap SWJ. Dengan kajian yang dijalankan ini akan dapat menemukan jawapan bagi isu yang dikaji dan mencari jalan penyelesaian. Seterusnya dapatan kajian diharapkan dapat dikemukakan kepada pihak MAINJ supaya diambil langkah intervensi ke arah menarik lebih ramai guru menyertai SWJ yang secara langsung membantu meningkatkan kutipan pada masa hadapan.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- 1) Apakah tahap kecenderungan guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor?
- 2) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan promosi dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

OBJEKTIF KAJIAN

Lima objektif kajian dibangunkan adalah seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti tahap kecenderungan guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor
- 2) Mengkaji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan promosi dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- H1: Terdapat hubungan yang positif antara sikap dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- H2: Terdapat hubungan yang positif antara norma subjektif dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- H3: Terdapat hubungan yang positif antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- H4: Terdapat hubungan yang positif antara promosi dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

METODOLOGI

Kajian rintis ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah persampelan rawak mudah melibatkan 100 orang guru sekolah rendah di daerah Mersing Johor sebagai sampel kajian. Instrumen soal selidik diedarkan kepada guru untuk mengumpul data kajian. Data kajian dianalisa menggunakan perisian SmartPLS versi 4.0. Kebolehpercayaan soal selidik diakui dengan menggunakan indeks alfa Cronbach untuk menilai konstruk seperti sikap, kawalan tingkah laku, norma subjektif, dan promosi terhadap wakaf tunai (Creswell, 2014). Teori TPB mendasari kajian dengan empat faktor dikaji iaitu sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan promosi diuji dalam permasalahan kajian. Tahap niat guru menyertai SWJ diukur dengan bacaan min dan sisihan piawai. Hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar diuji dan diukur dengan “regression”.


Jadual 1.3 : Maklumat demografi responden

Item	N	%	Item	N	%
Jantina			Umur		
Lelaki	26	26.0	24-30 tahun	9	9.0
Perempuan	74	74.0	31-35 tahun	14	14.0
			36-45 tahun	38	38.0
			46-55 tahun	31	31.0
			56-60 tahun	8	8.0
Bangsa			Pendidikan		
Melayu	99	99.0	SRP/PMR	0	0.0
Cina	0	0.0	SPM	0	0.0
India	1	1.0	STPM/Diploma	5	5.0
Lain-lain	0	0.0	Ijazah Sarjana Muda	91	91.0

Gred Gaji			Ijazah Sarjana	4	4.0
DG32	8	8.0	Pengalaman Mengajar Kurang dari 1 tahun	7	7.0
DG34	6	6.0	1-3 tahun	3	3.0
DG41	22	22.0	4-7 tahun	7	7.0
DG44	49	49.0	8-11 tahun	22	22.0
DG48	15	15.0	12 tahun ke atas	61	61.00
			Pengetahuan Tentang SWJ		
			Ya	97	97.0
			Tidak	3	3.0

Teori Kajian

Kajian ini menggunakan Teori Tingkah laku Terancang (TPB) yang dibangunkan oleh Ajzen (1991). Teori Tindakan Beralasan (TRA) oleh Ajzen (1975) adalah asas kepada TPB yang meramalkan niat dan kecenderungan manusia untuk bertingkah laku.



Rajah 1 Teori TRA oleh Martin Fishbein dan Icek Ajzen (1975)


Sikap merujuk kepada penilaian positif atau negatif terhadap sesuatu tindakan, manakala norma subjektif ialah persepsi tekanan sosial untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tindakan. TRA dan TPB menyediakan asas untuk memahami motivasi dan tingkah laku manusia dalam pelbagai konteks. TPB memperkembangkan TRA dengan memasukkan faktor kawalan tingkah laku, menjadikannya lebih holistik dan komprehensif dalam menganalisis dan meramalkan tingkah laku.

TPB bukan sahaja mempertimbangkan pandangan individu terhadap tingkah laku dan persepsi orang lain, tetapi juga mengukur sejauh mana individu merasakan mereka mempunyai kawalan ke atas pelaksanaan tingkah laku tersebut. Dengan menggabungkan konstruk daripada TRA dan menambah faktor kawalan tingkah laku, TPB memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang faktor yang mempengaruhi niat dan pelaksanaan tingkah laku manusia. Om (2018) menekankan kepentingan promosi dalam konteks ekonomi Islam khususnya dalam SWJ. Beliau percaya promosi yang berkesan dapat menyampaikan maklumat tentang faedah dan objektif wakaf kepada masyarakat seterusnya dapat meningkatkan penyertaan dan sumbangan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji kesan promosi terhadap niat guru menyertai SWJ. Penyelidik menyambut saranan pengkaji lepas Trifiletti et al., (2022) mencadangkan agar model TPB diperhalusi dengan memasukkan elemen promosi untuk kajian masa hadapan.

Teori TPB telah diuji dalam pelbagai kajian berkaitan wakaf, pembelian dalam talian, dan

keusahawanan. Contoh kajian termasuk peruntukan wakaf dalam talian dan kesedaran wakaf tunai di Terengganu oleh Chaerunnisa & Kasri (2020) dan Zulkiflee et al., (2015). TPB juga telah digunakan dalam kajian niat tingkah laku membeli-belah dalam talian di Vietnam (Lee Shyh-Hwang et al., 2010), niat keusahawanan di Yaman (Al-Jubari, 2019), dan tingkah laku pengguna terhadap alternatif makanan pertanian di Itali (Giampietri et al., 2018). Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang faktor yang mempengaruhi niat dan tingkah laku dalam konteks yang berbeza, mengesahkan keberkesanan TPB sebagai rangka kerja teori yang luas dan relevan menjelaskan niat dan tingkah laku manusia.

Kerangka model kajian adalah set teori yang menerangkan hubungan antara set dengan fenomena. TPB membimbing analisis ke arah penentuan pemboleh ubah kajian yang perlu dipertimbangkan. Hubungan antara sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan promosi sebagai pemboleh ubah bebas dan niat menyertai SWJ sebagai pemboleh ubah bersandar seperti yang ditunjukkan pada rajah 2.



Rajah 2 Model Kajian TPB oleh Icek Ajzen (1991)

DAPATAN


Merujuk kepada Jadual 1.4, nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach instrumen kajian soal selidik set rintis guru bagi konstruk kawalan tingkah laku ($\alpha = 0.85$), niat ($\alpha = 0.93$), norma subjektif ($\alpha = 0.96$), promosi ($\alpha = 0.94$), dan sikap ($\alpha = 0.94$) melepasi nilai minimum melebihi 0.60. Konstruk niat, norma subjektif, promosi dan sikap pada tahap sangat baik (very good reliability). Manakala konstruk kawalan tingkah laku pada tahap stabil (stability coefficients).

Jadual 1.4 Analisis Kesahan Dalaman Soal Selidik Guru (Kajian Rintis Guru)

Analisis Ujian Rintis N=100				
Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alfa Cronbach	Kebolehpercayaan Komposit (AVE)	Nilai Rho-a
Kawalan Tingkah Laku	3	$\alpha = .85$	0.77	0.86
Niat	3	$\alpha = .93$	0.87	0.93


Norma Subjektif	5	$\alpha = .96$	0.87	0.97
Promosi	7	$\alpha = .94$	0.73	0.94
Sikap	4	$\alpha = .94$	0.84	0.94

Keputusan kesahan menumpu kebolehpercayaan komposit ditunjukkan dengan nilai Average Variance Extracted (AVE) bagi pemboleh ubah kajian, analisis deskriptif mendapati bahawa pemboleh ubah kawalan tingkah laku dengan nilai AVE= 0.86, norma subjektif dengan nilai AVE= 0.97, promosi dengan nilai AVE=0.94, sikap dengan nilai AVE= 0.94 dan niat dengan nilai AVE=0.93. Fornell & Larcker (1981), mendapati sesuatu pemboleh ubah dianggap sah jika ia memenuhi tiga kriteria utama. Pertama, semua item individu perlu mendapatkan nilai yang melebihi 0.7. Kedua, nilai kebolehpercayaan komposit tidak boleh kurang daripada 0.8. Ketiga, nilai Average Variance Extracted (AVE) juga perlu melebihi 0.5. Dalam kajian rintis ini kedua-dua nilai alfa Cronbach dan nilai kesahan komposit melepasi tahap yang telah ditentukan. Maka, instrumen kajian rintis ini dikekalkan dan boleh digunakan dalam kajian sebenar seperti rajah 3.



Rajah 3 Nilai Alfa Cronbach Setiap Pemboleh Ubah

Bagi mengesahkan kebolehpercayaan pemboleh ubah, ujian dalaman model dijalankan untuk menilai kebolehpercayaan struktur pemboleh ubah eksogen dan endogen. Ujian ini melibatkan pemerhatian “Loading factor” (LF), di mana jika nilai LF melebihi 0.5, model dianggap sah (Sarstedt et al., 2022). Berdasarkan kepada rajah 4 di bawah, kesemua nilai “Loading factor” menunjukkan nilai yang melebihi 0.5. Oleh itu, dari penilaian tersebut, dapat disimpulkan bahawa model dalaman layak untuk diteruskan ke peringkat seterusnya.



Rajah 4 Nilai *Loading Factor*

Niat Menyertai Saham Wakaf Johor (SWJ)

Keputusan kajian menunjukkan niat guru menyertai SWJ berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min adalah 3.89 seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.5. Ini menunjukkan guru positif dan minat terhadap SWJ.

Jadual 1.5 Niat Guru Menyertai Saham Wakaf Johor

No.	Item/Soalan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya akan menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.84	0.745
2	Saya berhasrat untuk menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.91	0.776
3	Saya mempunyai rancangan untuk menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.91	0.776
Purata Keseluruhan		3.89	0.766

Jadual 1.6 Keputusan Pengujian Hipotesis

Pemboleh Ubah	Original Sampel	Sampel Mean	Standard Deviation	T Statistics	P Value	Keputusan Hipotesis
Sikap->Niat	0.717	0.710	0.084	8.494	0.000	Diterima
Norma Subjektif->Niat	0.210	0.209	0.077	2.720	0.007	Diterima
Kawalan Tingkah Laku->Niat	-0.047	-0.043	0.105	0.443	0.658	Ditolak
Promosi->Niat	0.058	0.057	0.080	0.718	0.473	Ditolak

Jadual 1.6 menunjukkan dua faktor iaitu sikap dan norma subjektif terbukti secara empirikal mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat guru menyertai SWJ, dengan nilai $p=0.000$ dan $p=0.007$. Manakala dua faktor lain iaitu kawalan tingkah laku dan promosi terbukti secara empirikal tidak mempunyai hubungan signifikan dengan niat guru menyertai SWJ, dengan nilai $p=0.658$ dan $p=0.473$. Dengan demikian, dapatan ini memberi keputusan kepada hipotesis-hipotesis berikut:

- H1: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan Saham Wakaf Johor - diterima
- H2: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan wakaf tunai - diterima
- H3: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan Saham Wakaf Johor - ditolak.
- H4: Terdapat hubungan yang positif di antara promosi dengan penyertaan Saham Wakaf Johor - ditolak.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan nilai min yang sederhana tinggi bagi niat guru untuk menyertai SWJ, dengan nilai min sebanyak 3.89, menandakan kesediaan dan keinginan yang signifikan dalam kalangan guru untuk terlibat dalam inisiatif ini. Kesedaran yang meningkat dan penerimaan terhadap konsep wakaf tunai, khususnya SWJ, mungkin menjadi faktor utama yang menyebabkan penilaian niat ini berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini menepati Mohd Zain et al., (2019) mengakui bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keikhlasan dengan niat seseorang dalam konteks berwakaf tunai. Guru mungkin memahami nilai-nilai sosial dan keagamaan yang terkandung dalam konsep ini, serta kesan positifnya terhadap pembangunan dan kesejahteraan ummah.

Selain itu, komitmen terhadap kesejahteraan ummah juga mungkin menjadi dorongan utama bagi guru, dengan SWJ dipandang sebagai salah satu cara yang efektif untuk menyokong secara aktif dalam pembangunan masyarakat. Keyakinan terhadap keberkesanan inisiatif ini, pengaruh norma sosial, dan sokongan dari institusi seperti sekolah dan organisasi profesional juga turut memainkan peranan penting dalam membentuk niat guru untuk menyertai SWJ. Dengan demikian, harapan bahawa SWJ akan terus mendapat sokongan yang tinggi dari kalangan guru, memberikan optimisme dalam usaha untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan umum di negeri Johor. Dapatan empirikal yang menunjukkan faktor sikap dan norma subjektif mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat guru untuk menyertai SWJ menunjukkan betapa pentingnya pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap konsep wakaf tunai dalam Islam. Sikap positif terhadap SWJ menunjukkan kesedaran dan keinginan untuk mengambil bahagian dalam sistem ekonomi Islam yang berteraskan nilai-nilai murni dan keadilan sosial. Ini dibuktikan oleh Lydiawaty (2020) menunjukkan wujud sikap yang signifikan terhadap niat mewakafkan wang tunai dalam kalangan pelajar KUIPSAS.

Dalam konteks ekonomi Islam, SWJ memberikan peluang kepada individu untuk menyumbang dari segi kewangan kepada pembangunan dan kesejahteraan ummah di negeri Johor. Melalui pemilikan saham dalam SWJ, individu dapat secara langsung memperoleh manfaat dari pertumbuhan ekonomi yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam, seperti keadilan, keadilan sosial, dan ketidakmampuan. Hal ini memberi peluang kepada masyarakat untuk berinvestasi dalam pelbagai sektor ekonomi yang bermanfaat bagi pertumbuhan dan kemakmuran bersama.

Selain itu, norma subjektif yang menggalakkan atau memberi sokongan daripada masyarakat terhadap SWJ dapat mengukuhkan penglibatan individu dalam inisiatif ini. Ini selaras dengan prinsip ekonomi Islam yang menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang memberi manfaat kepada semua pihak. Dapatan ini disokong oleh Nuryanti et al., (2023) yang membuktikan norma subjektif berkorelasi positif dengan niat untuk melakukan tingkah laku tertentu khususnya dalam konteks berwakaf dalam kalangan komuniti Muslim di Malaysia

Walaupun faktor kawalan tingkah laku dan promosi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat guru untuk menyertai SWJ, namun pentingnya strategi yang lebih berkesan dalam mempromosikan dan memperkenalkan SWJ kepada orang ramai tidak boleh diabaikan. Dari perspektif ekonomi Islam, ini menekankan kepentingan pendekatan menyeluruh yang mengambil kira faktor psikologi dan sosial dalam mereka bentuk dan melaksanakan inisiatif ekonomi yang berkesan.

Dalam konteks kesejahteraan rakyat di negeri Johor, SWJ berpotensi memberi pelbagai manfaat. Melalui sumbangan wang tunai yang dibuat oleh individu, SWJ boleh digunakan untuk membiayai pelbagai projek pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan kebajikan umum di negeri Johor. Ini termasuk pembiayaan untuk pendidikan, pembangunan infrastruktur, bantuan kebajikan, dan banyak lagi, yang boleh memberi kesan yang berkekalan kepada masyarakat setempat.

Dengan mengaitkan konsep SWJ dengan ekonomi Islam dan kesejahteraan ummah di negeri Johor, dapat dilihat bahawa inisiatif ini bukan sahaja memberi peluang kepada penglibatan masyarakat dalam ekonomi Islam yang mempunyai prinsip keadilan dan kemakmuran, tetapi juga menjadikan sumbangan yang besar dalam meningkatkan kehidupan dan masa depan masyarakat Johor keseluruhannya.

KESIMPULAN

Skim SWJ adalah inisiatif yang dicadangkan oleh MAINJ untuk menggalakkan umat Islam di negeri Johor agar melibatkan diri dalam amal ibadah wakaf dalam rutin harian mereka. Ia adalah suatu bentuk pelaburan saham yang mudah dengan hanya serendah RM10 seunit, yang setiap individu Muslim boleh memiliki dan mewakafkannya kepada MAINJ. Tujuannya adalah untuk menyokong pembangunan ekonomi dengan manfaat yang akan diberikan kepada komuniti umat Islam. SWJ bukan sahaja instrumen keagamaan, tetapi juga mekanisme yang mampan untuk pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial, mencerminkan komitmen Islam terhadap keadilan dan kelestarian. Penyertaan guru dalam wakaf tunai di Johor mewujudkan impak jangka panjang dengan meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat, dan guru sebagai pelabur aktif boleh menjadi pencetus penting untuk meningkatkan pemahaman tentang peranan wakaf dalam pembangunan mampan.

Dari segi kesejahteraan ummah, SWJ membawa pelbagai manfaat, termasuk pembiayaan untuk pelbagai projek pembangunan sosial, ekonomi, dan pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Dengan mengaitkan inisiatif ini dengan prinsip-prinsip ekonomi Islam, SWJ juga mempromosikan keadilan, keadilan sosial, dan penyertaan aktif guru dalam pembangunan ekonomi yang berteraskan nilai-nilai keagamaan.

Secara keseluruhannya, SWJ tidak hanya memberi peluang kepada guru untuk terlibat dalam ekonomi Islam yang berkembang, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan ummah di Negeri Johor secara menyeluruh. Oleh itu, kesedaran, sokongan, dan keterlibatan aktif masyarakat sangat penting dalam menjayakan inisiatif SWJ untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

RUJUKAN

- Abdurrohman Kasdi. (2018). Dinamika Pengelolaan Wakaf di Negara-negara Muslim. *Jurnal Zakat dan Wakaf*, 73-86.
- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1975). *Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*, Addison-Wesley, Reading, MA.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Al-Harethi, A. R. S. (2019). Factors Determine cash waqf participation in Kedah, Malaysia: Perception from students in Kolej University Insaniah. *IKONOMIKA: Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam*, 4(1), 5– 59.
- Al-Jubari, I. (2019). College students' entrepreneurial intention: Testing an integrated model of SDT and TPB. *SAGE Open*, 9(2), 1–15. <https://doi.org/10.1177/2158244019853467>
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2012). *Mawsu'at al-Fiqh al-Islami wa al-Qadaya al-Mu'asirah. Dimashq: Dar al-Fikr*.
- Amin, H. & Chong, R. (2011), "Is the theory of reasoned action valid for Ar-Rahnu? An empirical investigation", *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, Vol. 5 No.10, pp. 716-726.
- Asmak. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Syariah Journal*, 17(1), 113-152.
- Aziz, M. A. (2018). Media Massa Islam Dalam Tatangan Global (Analisis Dakwah dan Cyber Media di Indonesia). *Islamic Communication Journal*, 2(2), 200. <https://doi.org/10.21580/icj.2017.2.2.2169>
- Berakon, I., Aji, H. M., & Hafizi, M. R. (2022). Impact of digital Sharia banking systems on cash-waqf among Indonesian Muslim youth. *Journal of Islamic Marketing*, 13(7), 1551–1573. <https://doi.org/10.1108/JIMA-11-2020-0337>
- Chengiz Toraman., Berdiye Tuncsiper., Cizakca M. (2007). *Cash Waqf In The Ottoman As Philanthropic Foundations And Their Accounting Practices*. 1-19. Kertas Kera Conference, banff Alberta Canada.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 39-50.
- Gadot, N. (2019). Konsep Saham Wakaf Johor dan Perkembangannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol:16,1-14.
- Giampietri, Elisa Verneau, Fabio Del Giudice, Teresa Carfora, Valentina Finco, Adele. (2018). *A Theory Of Planned Behaviour Perspective For Investigating The Role Of Trust In Consumer Purchasing Decision Related To Short Food Supply Chains*. Vol:64,160-166.

- Heikal, M., Hasballah, F., & Khaddafi, M. (2014). *The Intention to Pay Zakat Commercial: An Application of Revised Theory of Planned Behavior*. Journal of Economics and Behavioral Studies. <https://www.researchgate.net/publication/291522293>
- Iman, A. H. M., & Mohammad, M. T. S. H. (2017). *Waqf As A Framework For Entrepreneurship. Humanomics*, 33(4), 419–440. <https://doi.org/10.1108/H-01-2017-0015>
- Islam, M., & Chowdhury, R. (2017). Analysis of repeated measures data. Springer. <https://doi.org/1.1007/978-981-10-3794-8>
- Chaerunnisa, S. R., Kasri, R. A., (2020). The Role Of Knowledge, Trust, And Religiosity In Explaining The Online Cash Waqf Amongst Muslim Millennials.
- Konsep, I., Takaful, D., Pengurusan, F., Universiti, K., Antarabangsa, I., Kuis, S., Putra, B. S., Pengurusan, F.,Universiti, K., Antarabangsa, I., Kuis, S., Putra, B. S., & Ahmad, K. A. (2022). *International Conference 2022 (I BAF 2022)*. 2022, 534–541
- Lada, S.,Tanakinjal, G.H., Amin.H. (2009) Predicting Intention to Choose Halal Product's Using Theory of Reason Action.International Journal of Finance and Manegement, 20(1), 66-75
- Lidyawaty, H.B. (2020). Factors Influencing the Intention To Contribute To Cash Waqf Among Kuipsas Students. *Jurnal Al-Sirat*, 1(19), 20–33.
- Lee, Shyh Hwang Ngoc, Hoang Thi Bich. (2010). *Investigating The On-Line Shopping Intentions Of Vietnamese Students: An Extension Of The Theory Of Planned Behaviour*. Journal of World Transactions on Engineering and Technology Education.Vol:1: 471- 476
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021). Laporan Saham Wakaf Johor. <https://www.maij.gov.my/>
- Mayo, J.W.,Tinsley, C.H. (2009).Warm glow and charitable giving:why the wealthy do not give more to charity. *Journal Of Economic Psychology*. 30:490-499.
- Md Nawi, N. H., & Ismail, M. (2018). Philosophy of higher education waqf: A review. *Journal of Techno Social*, 10(2), 42–49.
- Mohd Zain, N. H., Muda, M., & Rosman, R. (2019). Personality Factors Influencing Intention on Cash Waqf Behavior. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(2), 23–30
- Mejova.Y., Garimella,Y.R.K.,Weber,I., & Dougal, M.C. (2014). Giving is caring:understaning donation behavior through email. *In proceeding of the 17th ACM conference on computer supported cooperative work & social computing*, ACM,1297-1307
- Mudrikah, S. (2021). Determinan terhadap Niat Membayar Wakaf Uang. *El-Buhuth: Borneo Journal of Islamic Studies*, 4(1), 13–27. <https://doi.org/10.21093/el-buhuth.v4i1.3730>
- Muhammad Fudhail Rahman. (2009). Wakaf dalam Islam. *Al-Iqtishad: Vol. I, No. 1, Januari 2009*. <https://media.neliti.com/media>
- Nuryanti, A., Astuti, R. K., & Listyorini, D. (2023). Prediktor Perilaku Pengurangan Risiko Jatuh Pasien oleh Mahasiswa Praktik Keperawatan Berbasis Theory of Planned Behavior (TPB). *Jurnal Keperawatan Profesional (KEPO)*, 4(2), 106–114. <https://doi.org/10.36590/kepo.v4i2.699>
- Omar, A. J., Yusoff, W. Z. W., Mohamad, M., dan Zahari, W. A. M. B. W. (2018). *Current Issue Corporate Waqf in Malaysia* . *Advanced Science Letters*, 24(5), 3045–3051. <https://doi.org/10.1166/asl.2018.11315>
- Osman, A. F. (2014). *An Analysis Of Cash Waqf Participation Among Young Intellectuals*. 9th International Academic Conference, Istanbul, hal. 711 – 723.

- Osman, I., Ma'in, M., & Muda, R. (2019). Determinants Of Behavioural Intention Towards Green Investments: The Perspectives Of Muslims. In *International Journal of Islamic Business* (Issue 1).
- Park, H., dan Lewis, D. (2019). The Motivations Of External Whistleblowers And Their Impact On The Intention To Blow The Whistle Again. *Business Ethics: A European Review*, 28(3), 379–390. <https://doi.org/10.1111/beer.12224>
- Sakti, M. R. P., Bin Mohd Thas Thaker, H., Qoyum, A., & Qizam, I. (2016). Determinants Of Cash Waqf Contribution In Klang Valley and Selangor: A SEM Approach. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 2(1), 111–144. <https://doi.org/10.21098/jimf.v2i1.593>
- Sanusi, S. W. S. A., Yaacob, S. E., & Salleh, M. F. M. (2021). Waqf zurri: An Instrument For Estate Planning In Developing Islamic Civilization. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 139–152. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no1.10>
- Saputri, L. H., Abeng, A. T., & Karuniawati, N. (2020). Pengaruh Sikap dan Self Efficacy terhadap Niat untuk Menyusui pada Ibu Hamil. *Window of Midwifery Journal*, 01(01), 39–45. <https://doi.org/10.33096/wom.vi.7>
- Sarstedt, M., J.F. Hair, M. Pick, B.D. Liengaard, L. Radomir, and C.M. Ringle. (2022). Progress in partial least squares structural equation modeling use in marketing research in the last decade. *Psychology & Marketing* 39 (5): 1035–1064
- Setianagara, M. I. (2019). Perilaku Kederawatan Muslim Di Indonesia Studi Mengenai Intensi Dan Perilaku Bersedekah. Riset berupaya menganalisis fa. *Jurnal Ekonomi, Bisnis & Entrepreneurship*, 13(1), 1–16.
- Shih, Y. Y., & Fang, K. (2004). *The Use Of A Decomposed Theory Of Planned Behavior To Study Internet Banking In Taiwan*. *Internet research*, 14(3), 213.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman & Azizi Che Seman. (2018). Pembentukan institusi pengajian tinggi berteraskan wakaf di Malaysia: Cadangan model pelaksanaannya. *Jurnal Syariah* 26(1): 1-22.
- Supian, K., Norhasbi, A. S., Salina Rasli, Juliza, M., Hairin Nisa, M.N., Zainal Azhar, Z.A., (2021). Private Higher Education Institution Alumni Perception on Endowment Behavioral Intention: A Conceptual Framework. *International Journal of Academic Research in Bussines and Social Science*. 10.6007/IJARBSS/v11-i1/9002
- Tommasetti A., Singer P., Troisi O., Maione G. (2018). Extended theory of planned behavior (ETPB). Investigating customers' perception of restaurants' sustainability by testing a structural equation model, "Sustainability", vol. 10 no. 7, p. 2580
- Trifiletti, Elena Shamloo, Soraya E. Faccini, Martina Zaka, Agustina. (2022). *Psychological Predictors Of Protective Behaviours During The Covid-19 Pandemic: Theory Of Planned Behaviour And Risk Perception*. *Journal of Community and Applied Social Psychology*. Vol:32,382-397
- Zulkiflee, N., Wahid, H., dan Ahmad, S. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian di Besut, Terengganu. *EpROSIDING SEMINAR FIQH SEMASA (SeFis)2015, June*, 1–11.